

93

SOALAN NO. 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ANUAR BIN ABD MANAP [SEKIJANG]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2017 (RABU)

SOALAN :

Tuan Anuar Bin Abd Manap [Sekijang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan program-program Kementerian dalam membantu penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi meningkatkan ekonomi golongan ini seterusnya mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan JKM semata-mata serta apakah tahap keberkesanan program yang telah dijalankan tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha membangun dan memperkasa penerima bantuan ke arah peningkatan ekonomi agar mampu berdikari dan keluar daripada kepompong kemiskinan tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan untuk saraan hidup melalui pendekatan *Productive Welfare (PW)*.

Pendekatan ini mengambil kira minat dan kemahiran yang dimiliki oleh penerima bantuan agar mampu dibimbing dan dilibatkan secara aktif dalam pekerjaan samada bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri; diberi kemahiran dan latihan yang bersesuaian dengan minat kerjaya mereka; diberi Bantuan Geran Pelancaran (BGP) dengan kadar maksimum RM2,700 sekaligus melalui 2 Years Exit Programme (2YEP); dilibatkan dalam program 1AZAM (Azam Niaga dan Azam Khidmat) KPWKM; dirujuk ke agensi berkaitan untuk mendapatkan khidmat nasihat pakar dalam bidang yang

diceburi ataupun untuk mendapatkan pinjaman mikro kredit bagi pengembangan perniagaan yang dijalankan.

Melalui 2YEP penerima bantuan produktif yang telah melepas saringan ujian penaksiran psikologi (meliputi ujian motivasi, personaliti dan ujian minat kerjaya) akan dibimbing dan diperkasa dalam tempoh dua (2) tahun dalam bidang pekerjaan atau projek penjanaan pendapatan yang sesuai dengan minat dan kemahiran yang dimiliki oleh mereka. Program ini sangat menekankan konsep bimbingan yang berterusan daripada pegawai kes kepada peserta 2YEP melalui pendekatan kerja sosial (kerja kes, kerja kumpulan dan kerja komuniti) agar kefungsian sosial penerima bantuan dapat ditingkatkan. Kolaborasi pelbagai agensi kerajaan, swasta, sektor koprat, NGO dan orang perseorangan juga ditekankan dalam aspek pembangunan modal insan dalam perlaksanaan 2YEP.

Program 2YEP telah dijalankan secara rintis pada tahun 2014 di dua buah negeri iaitu di Negeri Sembilan dan Perlis dengan penglibatan seramai 500 penerima bantuan produktif. Dalam tempoh tersebut, seramai 122 orang penerima berjaya menjana pendapatan melebih RM1500 ke atas sebulan dan mampu berdikari tanpa bantuan bulanan JKM. Pada tahun 2016 (melalui RMKe-11), 2YEP diperluaskan ke seluruh negara mulai dengan

penglibatan 2002 orang penerima bantuan produktif. Sehingga September 2017, seramai 425 peserta (21.22%) telah berjaya menjana pendapatan di antara RM1500 hingga RM10,000 ke atas sebulan dan mampu berdikari tanpa bantuan bulanan JKM. Daripada 425 orang tersebut, seramai 17 orang berjaya menjana pendapatan melebihi RM10,000 hingga RM100,000 sebulan, walaupun asalnya mereka adalah golongan miskin yang berkeperluan. Kejayaan mereka keluar dari kepompong kemiskinan telah diraikan dengan penyampaian penghargaan dalam Seminar *Productive Welfare 2017* pada 27 September 2017 di PLPP, Bangi yang lalu.

Bagi meneruskan kesinambungan kejayaan tersebut, mereka akan dilibatkan dalam program “*client support group*” iaitu menjadi pembimbing, pemudahcara dan mentor kepada penerima bantuan lain yang masih belum berjaya berdikari. Daripada program tersebut, sebanyak RM1.4 juta setahun peruntukan bantuan dapat diijimatkan dan disalurkan kepada individu lain yang lebih memerlukan bantuan JKM.

Manakala Program 1AZAM di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau *National Key Result Areas* (NKRA): Meningkatkan Taraf Hidup Istimewa Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) di bawah KPWKM adalah sebuah program yang berteraskan kebijakan produktif dengan menyediakan

peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

Berdasarkan kepada Analisa Impak Peserta Program 1AZAM yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian, didapati bahawa Program 1AZAM (Niaga dan Khidmat) KPWKM telah mencapai matlamat utama program tersebut iaitu untuk mempertingkatkan taraf kehidupan isi rumah berpendapatan rendah serta mengubah daya pemikiran peserta untuk menjadi lebih berdikari.

Inisiatif NKRA LIH ini masih diteruskan dan memberi fokus kepada pemerkasaan Isirumah Berpendapatan 40 peratus Terendah (B40) ke arah negara berpendapatan tinggi selaras dengan aspirasi RMKe-11. KPWKM sebagai Kementerian peneraju masih meneruskan Program 1AZAM di bawah GTP 3.0 hingga tahun 2020 bagi memastikan inisiatif ini dapat memberi impak secara berterusan daripada segi peningkatan pendapatan golongan berpendapatan rendah selaras dengan konsep kebijakan produktif dan seterusnya menjadikan kesemua penerima mampu untuk hidup berdikari.